

KOMPILASI ISU-ISU

MAQASID SYARIAH

**SEBAGAI PEMANGKIN NEGARA MAKMUR
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Azme Matali
Nor Hafizah Haji Jahari



**UNISSA
Press**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

KOMPILASI ISU-ISU
MAQASID
SYARIAH

**SEBAGAI PEMANGKIN NEGARA MAKMUR
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

— KOMPILASI ISU-ISU —

MAQASID SYARIAH

**SEBAGAI PEMANGKIN NEGARA MAKMUR
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENYUNTING:

Azme Matali
Nor Hafizah Haji Jahari

UNISSA PRESS
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Negara Brunei Darussalam
1440H / 2019M

Penerbit:

UNISSA Press

Pusat Penyelidikan dan Penerbitan
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Simpang 347, Jalan Pasar Gadong,
Gadong BE1310,
Negara Brunei Darussalam
Tel: +673 2462000 ext. 332
Laman Web: www.unissa.edu.bn

© Azme Matali & Nor Hafizah Haji Jahari

Cetakan Pertama 2019

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

**Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan (Cataloguing-in-Publication)**

KOMPILASI isu-isu Maqasid Syariah sebagai pemangkin negara
makmur di Negara Brunei Darussalam / penyunting Azme Matali,
Nor Hafizah Haji Jahari. -- Bandar Seri Begawan : UNISSA Press,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 2019.

220p. ; 15.24cm x 22.86cm cm.

ISBN 978-99917-86-22-3 (Softcover)

1. Islamic law -- Interpretation and construction 2. Maqasid (Islamic law)
3. Islam -- customs and practices I. Title

297.14 MAH (DDC 23)

Reka Bentuk Hiasan Kulit Luar dan Dicetak Oleh:
Syarikat Percetakan Borneo

Foto Hiasan Kulit Luar oleh:
Yas HM

PENAFIAN

Ini adalah dokumen yang tidak mengikat dan pandangan yang dinyatakan dalam buku ini adalah dari pengarang. Pandangan tersebut tidak semestinya merupakan pendirian rasmi Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	Halaman
KATA PENGANTAR	ix-xii
<hr/>	
BAHAGIAN 1 FIQH SIYASAH SYAR'IYYAH	1
BAB 1 MAQASID SYARIAH: AMALAN NEGARA MADINAH SEBAGAI MOTIVASI KEPADA NEGARA ISLAM KONTEMPORARI Dato (Dr) Haji Nooh Gadot	3-36
<hr/>	
BAHAGIAN 2 AHWAL SYAKHSIYYAH	37
BAB 2 MAQASID SYARIAH DALAM FATWA MUFTI KERAJAAN BERKAITAN AMALAN MASYARAKAT BRUNEI Hajah Siti Khadizah Haji Emran Hajah Norasikin Haji Abdul Majid	39-80
<hr/>	
BAHAGIAN 3 FIQH IBADAT	81
BAB 3 MAQASID AL-SYARIAH: MEMPERKUKUHKAN NEGARA ZIKIR Abd Rauf Muhammad Amin	83-117
<hr/>	

BAHAGIAN 4
FIQH MUNAKAHAT

119

BAB 4

MAQASID SYARIAH DALAM ISU-ISU
PERKAHWINAN DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Haji Saharuddin Haji Patra

BAHAGIAN 5
FIQH MUAMALAT

141

BAB 5

MAQASID SYARIAH SEBAGAI LANDASAN
PENERAPAN DALAM INSTITUSI
KEWANGAN ISLAM DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Azme Matali

BAHAGIAN 6
FIQH JINAYAT

181

BAB 6

MAQASID SYARIAH DALAM
PERLAKSANAAN PERINTAH KANUN
HUKUMAN JENAYAH SYARIAH 2013

Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi

BAHAGIAN 7
FIQH WAQI'

205

BAB 7

MAQASID SYARIAH: DALAM KONTEKS
MENJAGA KEAMANAN NEGARA

207-220

Supt Haji Azree Haji Abd Manaf

BAB 3

MAQASID AL-SYARIAH: MEMPERKUKUHKAN NEGARA ZIKIR

Abd Rauf Muhammad Amin

Abstrak

Dalam pandangan Islam, perbuatan Allah samaada perbuatan penciptaan (*Takwiniyyah*) mahupun perbuatan hukum (*Tasyriyyah*) tidak lepas dari berbagai hikmah dan rahsia, tidak ada perkara yang sia-sia. Hal ini sebagai manifestasi dari sifat Allah iaitu *al-Hakim*, Yang Maha bijaksana. Dengan demikian, ulama menyatakan setiap hukum yang ditetapkan Allah pasti memiliki tujuan atau matlamat. Matlamat ini disebut *Maqsid* atau *Maqsad*. *Maqasid al-Syariah* ialah matlamat-matlamat yang hendak diwujudkan oleh Allah dari ketetapan-ketetapan hukum yang diturunkan-Nya. Tentu saja sumber utama bagi mengetahui tujuan-tujuan hukum ialah al-Quran dan al-Sunnah. Dalam kedua sumber ini, tujuan-tujuan hukum ada yang disebutkan secara tersurat (langsung) dan ada yang disampaikan dengan tersirat (tidak langsung). Salah satu matlamat penciptaan dan sekaligus matlamat hukum yang disebut langsung al-Quran ialah beribadah. Cara paling baik mewujudkan aktiviti ibadah ialah dengan melakukan zikir. *Zikrullah* ialah menyebut, mengingat Allah, patuh, dan mentaatinya. Tetapi erti paling dalam dari *zikrullah* ialah menghadirkan Allah dalam setiap tutur kata, pikiran dan perbuatan seorang muslim. Dalam bab ini, Pengkaji membincangkan mengenai isu utama iaitu sejahteranama pemahaman dan pengamalan Maqasid al-Syariah dapat memantapkan dan memperkasa Negara Brunei sebagai Negara Zikir untuk merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kajian ini juga membincangkan sumbangan Maqasid al-Syariah bagi memperkuuhkan Negara Zikir. Disorot dengan beberapa perkara iaitu mengenai dengan apa yang dimaksudkan dengan Maqasid al-Syariah dan sejahteranama kepentingannya, juga apa yang dimaksudkan dengan zikir dan Negara Zikir serta bagaimana Maqasid al-Syariah berkontribusi bagi memperkuuhkan Negara Zikir.

Kata Kunci: *Syariah, Maqasid al-Syariah, Zikir, Negara Zikir.*

Pendahuluan

Terma Syariah adalah merujuk kepada ajaran-ajaran hukum yang telah ditetapkan oleh Allah *Subhanahu Wata'ala* melalui al-Quran dan al-Sunnah yang kemudian dijelaskan oleh ulama. Hukum-hakam itu secara umum berupa perintah dan tegahan samaada secara tegas mahupun tidak⁴⁴. Telah menjadi kesepakatan ulama bahawa dalam al-Quran dan al-Sunnah tidak hanya terdapat hukum-hakam yang berupa perintah dan tegahan, namun keduanya mengandungi matlamat atau tujuan daripada hukum-hakam itu. Dalam erti kata lain, al-Quran dan al-Sunnah disamping mengajarkan hukum-hakam, keduanya sering mengiringinya dengan matlamat-matlamat hukum. Kalau hukum-hakam itu disebut *al-Syariah*, maka matlamat-matlamat itu dinamakan *Maqasid al-Syariah*. Hubungan *Syariah* dan *Maqasid al-Syariah* bagaikan hubungan jasad dan roh. Pemahaman mengenai Syariat serta pengamalan terhadapnya baru dianggap benar apabila keduanya memposisikan Syariah dan Maqasid al-Syariah sebagai satu kesatuan yang tidak dapat dipisahkan. Dalam erti kata lain, hukum-hakam Allah tidak boleh dilaksanakan dengan tujuan yang berbeza dengan tujuan Allah itu sendiri. Melaksanakan ajaran hukum tanpa menghadirkan roh dan tujuannya atau melaksanakannya dengan tujuan yang

⁴⁴ Menurut pandangan *mainstream* Hukum mencakup tiga komponen; tuntutan, pilihan dan ketetapan. Hukum yang berbentuk tuntutan mencakup wajib, sunnah, haram, makruh. Sedangkan pilihan hanya mencakup mubah saja. Tuntutan itu pula mencakup perintah dan tegahan. Perintah ada yang tegas iaitu wajib dan ada yang tidak tegas iaitu sunnah. Manakala tegahan yang tegas ialah haram dan yang tidak tegas ialah makruh. Lihat Abu Zahrah. T.thn. *Ilmu Usul Fiqh*, Kairo: Dar al-Fikri al-Arabi, hlm 27.

menyalahi tujuan pensyariatan hukum itu sendiri, maka pelaksanaan itu tidak bernilai apa-apa atau tertolak. Ibadah solat misalnya, apabila seseorang menunaikannya tanpa menghadirkan Allah di dalamnya atau mendirikan solat, akan tetapi tujuannya bukan untuk Allah (*riya'*), maka pelaksanaan solat itu adalah sia-sia. Bahkan dalam beberapa riwayat, *riya'* itu disebut sebagai syirik kecil dan berdosa⁴⁵.

Dalam hal ini, dapat dipahami betapa pentingnya isu Maqasid al-Syariah. Kerana dengan pemahaman yang kukuh mengenainya, semua tindakan keberislaman kita dapat dijadikan sebagai tindakan yang bermutu dan berkualiti. Oleh itu, juga boleh dikatakan bahawa Maqasid al-Syariah dapat memandu umat Islam untuk menjadi umat yang mempunyai kehidupan yang berkualiti.

Kualiti kehidupan dalam Islam sangat unik. Islam tidak hanya tertumpu kepada kualiti dalam kehidupan keduniaan, tetapi juga akhirat, bahkan ianya adalah lebih penting⁴⁶. Dan inilah yang membezakannya dengan konsep-konsep yang lain. Mengutamakan agama, aqidah, iman dari segalanya dapat kita lihat dengan mantap melalui sejarah kenabian⁴⁷. Dalam erti kata lain, memahami

⁴⁵ Kenyataan ini berdasarkan al-Quran, Surah al-Maun ayat 4-6

⁴⁶ Lihat al-Syatibi. *Al-Muwafakat*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah Jilid 1 hlm 38.

⁴⁷ Kerana itu kita dapat dalam peringkat Maqasid al-Syariah, memelihara dan menjaga agama (*Hifz al-Din*) merupakan tujuan utama dan pertama dari lima tujuan Syariah. Tujuan-tujuan agama yang paling banyak dikenal oleh umat Islam ada lima; Memelihara agama, Jiwa, Keturunan, Memelihara Akal dan Memelihara harta Misalnya Nabi beberapa kali mendapat tawaran dari kaum Quraish berupa harta yang banyak, kerajaan agar Nabi ingin menghentikan dakwah Islamiah namun Nabi tetap fokus pada visi utamanya iaitu tegaknya agama Allah

kepentingan Maqasid al-Syariah dapat menjana kehidupan yang berkualiti samaada di dunia mahupun di akhirat. Untuk menjaga konsistensi, bahagian ini hanya akan memfokuskan kepada kualiti keberislaman melalui pemahaman yang mantap terhadap Maqasid al-Syariah.

Konsep Maqasid Al-Syariah

Isu Maqasid al-Syariah adalah isu penting dan menarik. Kerana begitu menariknya ia didakwa sebagai wacana abad ke 21 dan hampir mendominasi semua wacana keislaman di Abad ini. Dalam sejarahnya, sejak Syeikh Muhammad Abdur mengesyorkan untuk menerbitkan dan membincangkan *al-Muwafaqat* iaitu karya monumental Imam al-Syatibi, perbincangan mengenainya menjadi perbincangan hangat dan menarik hingga saat ini. Berdasarkan fakta sejarah, meskipun al-Syatibi didakwa sebagai pengasas ilmu Maqasid kerana dia adalah yang pertama menulis secara sistematik mengenainya, namun Maqasid al-Syariah telah menjadi amalan-amalan ijtihad para sahabat dan kemudian, membuat pendekatan Maqasid al-Syariah menjadi pendekatan yang diterima. Bukan hanya setakat itu, malah perhatian terhadap Maqasid al-Syariah juga dapat disaksikan di kalangan tabi'in, tabi' al-Tabi'in dan para Imam Mazhab selanjutnya.

Sebelum mengemukakan definisi Maqasid al-Syariah, bolehlah dikatakan bahawa hubungan Maqasid al-Syariah (tujuan-tujuan Hukum) dengan Syariah (hukum-hukum) hampir sama hubungan *hardware* dan *software* dalam bidang IT. Sebuah komputer riba atau komputer

yang kita istilah dalam kertas kerja ini dengan Hifz al-Din. Lihat Ramadhan al-Buthi. 1426 *Fiqh al-Sirah*, Suriah: Dar al-Fikr, hlmn 77.

yang mahal tidak akan ada gunanya sekiranya belum memasang (*install*) OS (*Operating System*) nya. Atau OS yang bervirus tidak akan menjadikan penyampaian komputer riba itu seperti yang diharapkan. Peranan Maqasid al-Syariah bagi pelaksanaan Syariah hampir sama peranannya dengan *software* tadi. Kerana itu Imam al-Syatibi menyatakan bahawa Maqasid itu merupakan roh atau nyawa bagi semua tindakan dan perbuatan.⁴⁸

Kata Maqasid adalah bentuk jamak dari kata *Maqsid* atau *Maqsad* yang memiliki akar kata dari *qasada-yaqsidu-qasdan*. Kata ini mempunyai banyak pengertian dalam bahasa arab. (قصد - وقصد له - وقصد إليه) adalah kata-kata yang berbeza, tetapi memiliki pengertian yang sama, diantaranya bererti: mendatangi-*fulan*-dengan sengaja, menuju kepadanya berimbang (antara boros dan kikir) dalam hal belanja, keadilan.⁴⁹

Dalam konteks umum, ketika kita membincangkan mengenai Maqasid, maka yang dimaksudkan adalah objektif Syariah, dalam perkataan bahasa arab sering diungkapkan dengan menggunakan: *Maqasid al-Syariah*, *Maqasid al-Syari'* dan *al-Maqasid al-Syariah*.

Dapat dikatakan bahawa pengertian yang muktamad tidak ditemukan dalam karya-karya *mutaqaddimin*. Salah satu sebab yang boleh dinyatakan ialah kerana ilmu Maqasid belum menjadi kajian yang *independen* dari ilmu Usul Fiqh. Mengikut fakta yang ada, ulama-ulama Usul

⁴⁸ Lihat al-Syatibi, Op.cit jilid 2 hlmn 344.

⁴⁹ Untuk mengetahui arti-arti Maqasid secara bahasa lihat Abd. Rauf Amin. 2013. *al-Ijtihadu taatstsuruhu wa Ta'tiiruhu fi Fiqhai al-Maqasid wa al-Waqi*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 229.

mutaqaddimin menyentuh mengenai Maqasid ketika mereka membahaskan isu maslahah kerana kaitannya yang sangat erat antara keduanya, bahkan dapat dikatakan ianya merupakan inti Maqasid al-Syariah dan semua dimensi Maqasid al-Syariah berpaksikan kepada kemaslahatan.

Berdasarkan hal itu, maka ulama-ulama Usul klasik ketika memasuki perbahasan Maqasid, mereka tidak mengemukakan definisi Maqasid yang tepat, akan tetapi mereka hanya menyentuh unsur terpenting dari konsep Maqasid iaitu “*Maslahah*”.

Imam al-Gazali misalnya mengatakan “*Maslahah*” itu pada dasarnya (yang dipahami kebanyakan orang) ialah mewujudkan kemaslahatan dan menolak (mencegah) kemudaratan atau kerosakan. Namun bukan ini yang kita maksudkan dari kata maslahah. Ini kerana mewujudkan kemaslahatan dan menolak kemudaratan adalah tujuan-tujuan yang ingin dicapai oleh manusia, dan kebaikan manusia dalam memenuhi tujuan-tujuan mereka. Yang kita maksudkan dari maslahah itu adalah memelihara atau melindungi tujuan-tujuan Allah (*syar'i*). Tujuan-tujuan *syar'i* itu adalah memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta⁵⁰.

Dalam pernyataan di atas, Imam al-Gazali tidak memberi definisi Maqasid al-Syariah, tetapi beliau memberikan definisi Maslahah iaitu memelihara tujuan-tujuan agama.

Lalu kemudian ia memerinci tujuan-tujuan yang dimaksud iaitu memelihara agama, memelihara jiwa,

⁵⁰ Al-Gazali. 1413. *Al-Mustashfa*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, jilid 1 hlm 286.

memelihara akal, memelihara keturunan, dan memelihara harta. Dan tradisi ini kemudian dilanjutkan oleh al-Amidi.

Al-Amidi mengatakan: “*Tujuan dari pensyariatan hukum itu adalah untuk mewujudkan kemaslahatan atau menolak kemudaratan atau kedua-keduanya*”.⁵¹ Lagi-lagi al-Amidi tidak mengemukakan definisi Maqasid, akan tetapi ia memperkenalkan unsur penting dari konsep Maqasid al-Syariah iaitu Maslahah.

Imam al-'Izz bin Abd al-Salam adalah ulama lain yang menegaskan bahawa Maqasid itu adalah Maslahah. Dalam bukunya yang berjudul *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-anam*, beliau menyatakan:

“*Barangsiapa yang mengamati tujuan-tujuan Allah untuk mewujudkan berbagai kemaslahatan dan menolak berbagai kemudaratan, maka pastilah ia meyakini bahawa kemaslahatan itu sama sekali tidak boleh diabaikan dan kemudaratan itu sama sekali tidak boleh didekati (dilakukan) meskipun tidak ada ijma', nas dan qiyas yang mendukungnya*”.⁵²

Imam al-Syatibi yang sangat popular sebagai pengasas Maqasid dalam perbahasan Maqasid kerana hanya dia lah yang mengumpulkan perbahasan Maqasid yang berselerak dan memberi ruang khusus bagi konsep Maqasid dalam buku monumentalnya *al-Muwafaqat* juga mengulangi tradisi pendahuluannya dalam hal tidak

⁵¹ Al-Amidi. 1404. *Al-Ihkam fi ushul al-Ahkam*, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, 3/296.

⁵² Al-'Iz bin Abdussalam. Tth. *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, Beirut: Dar al-kutub al-'Ilmiyah 2/160.

memberikan definisi yang jelas bagi Maqasid. Ia mengatakan:

“*hukum-hukum agama semuanya merujuk kepada terwujudnya tujuan-tujuan yang ingin dicapai dari manusia. Dan tujuan-tujuan itu tidak lepas dari tiga tipe. Pertama, Maqasid al-Daruriyyah, kedua Maqasid al-Hajjiyyah, dan yang ketiga Maqasid al-Tahsinyyah*”⁵³.

Dalam pernyataan al-Syatibi di atas, tidak menggambarkan sebuah definisi namun ia hanya memberi informasi tentang ciri-ciri Maqasid.

Yusuf al-Alim, salah seorang penulis kontemporari melanjutkan tradisi ulama usuliyun klasik, ia juga memberi definisi Maqasid dengan Maslahah, beliau mengatakan:

“*Maqasid adalah kemaslahatan (Masalih) yang diperoleh atau dicapai oleh hamba-hamba Allah di dunia dan di akhirat baik kemaslahatan itu dicapai melalui perwujudan kemanfaatan-kemanfaatan atau dengan melalui pencegahan kemudaratannya-kemudaratannya*”⁵⁴.

Berdasarkan realiti di atas, dan kerana usuliyun klasik tidak menghadirkan definisi yang jelas bagi Maqasid, maka beberapa penulis kontemporari telah melakukan usaha bagi menentukan Maqasid dengan definisi yang tepat. Sepanjang pengetahuan dan penyelidikan penulis, penulis kontemporari yang pertama

mula membahaskan mengenai definisi yang dimaksud adalah Imam Muhammad Ibnu ‘Asyur seorang ulama berbangsa Tunis. Definisi Maqasid yang diajukannya adalah seperti mana berikut:

“*Maqasid ‘Ammah (tujuan umum) adalah makna-makna dan hikmah-hikmah yang hendak diwujudkan oleh agama (Syari’i) di semua bidang atau di dalam majoriti bidang hukum Islam, sehingga hikmah-hikmah yang dimaksud tidak hanya nampak di bidang tertentu hukum Islam*”⁵⁵.

Setelah Ibnu ‘Asyur mengemukakan hakikat Maqasid ‘Ammah, ia kemudian memperkenalkan Maqasid Khassah (tujuan khusus) dengan mengemukakan definisinya seperti mana berikut:

“*Maqasid khassah adalah “tindakan-tindakan atau perbuatan-perbuatan yang dimaksud itu sendiri dan diri manusia selalu berusaha untuk mewujudkannya. Tujuan khusus yang ingin dicapai pada bidang muamalah misalnya adalah cara-cara tertentu yang dinginkan oleh Syari’ untuk mewujudkan tujuan-tujuan manusia yang bermanfaat atau untuk memelihara kemaslahatan mereka pada tindakan-tindakan khusus mereka. Termasuk dalam kategori ini adalah tujuan-tujuan yang ingin dicapai dalam setiap transaksi(tasarrufat) yang dilakukan oleh manusia seperti tujuan “dokumentasi” dalam setiap transaksi penggadaian, tujuan memantapkan tegaknya tatanan keluarga dalam akad nikah, dan tujuan pencegahan terjadinya kemudaratian*

⁵³ Al-Syatibi. Op.cit. 2/8.

⁵⁴ Yusuf al-Alim. Tth. Al-Maqasid al-Ammah li al-Syariah al-Islamiyyah, Kairo: Dar al-Hadith, hlmn.79.

⁵⁵ Ibnu ‘Asyur. 2001. *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*, Jordan: Dar al-Nafais, hlm 251.

dalam hukum-hukum yang berkaitan dengan perceraian (talak).⁵⁶

Apa yang dikemukakan Ibnu ‘Asyur juga bukan sepenuhnya definisi untuk Maqasid tetapi tidak lebih dari penggunaan Maqasid, dan itu ianya jelas dari redaksi yang ia gunakan.

Setelah Ibnu ‘Asyur, muncul ‘Alal al-Fasi, Nuruddin al-Khadami dan Ahmad al-Raisuni. Mereka adalah para pemikir kontemporari yang berbangsa Maroko. Dalam tesis sarjananya yang berjudul “*Konsep Maqasid perspektif al-Syatibi*” yang diserahkannya ke Universiti Muhammad al-Khamis di Maroko, al-Raisuni mengemukakan definisi yang cukup singkat dan mudah dipahami. Ia mengatakan:

“*Maqasid al-Syariah adalah tujuan-tujuan (gaayaat) yang ingin dicapai dan diwujudkan dari penetapan hukum-hukum Syariah demi terwujudnya kemaslahatan manusia*”⁵⁷.

Setelah mengemukakan definisi-definisi Maqasid al-Syariah yang diajukan para ulama, baik dari kalangan klasik maupun kontemporari, penulis akan mengemukakan definisi yang dianggap komprehensif iaitu melanjutkan definisi al-Raisuni dengan menambah kalimat: “*dan mewujudkan perhambaan kepada Allah*” setelah kalimat “*demi terwujudnya kemaslahatan bagi manusia*” yang ada pada definisi al-Raisuni. Dengan demikian, maka definisi

Maqasid al-Syariah menjadi: “*Tujuan-tujuan (gaayaat) yang ingin dicapai dan diwujudkan dari penetapan hukum-hukum Syariah demi terwujudnya kemaslahatan manusia dan terwujudnya perhambaan manusia kepada Allah*”.

Dengan demikian, maka definisi Maqasid memiliki tiga unsur utama iaitu tujuan (*Ghayat*), mewujudkan kemaslahatan manusia, dan mewujudkan (terciptanya) perhambaan manusia kepada Allah.

Kepentingan Maqasid Al-Syariah

Pemahaman terhadap Maqasid al-Syariah memiliki banyak manfaat dan faedah bagi seorang muslim dalam hal memahami dan mengamalkan Islam. Mengenali Maqasid al-Syariah sama sahaja mengenali keutamaan-keutamaan (*Mahāsin*)Islam. Dengan Maqasid orang-orang Islam dapat menjadi lebih tertarik dan lebih cinta terhadap Islam, bahkan boleh mendorong orang-orang bukan muslim. Fakta menunjukkan bahawa agama Islam tidak jarang dirugikan oleh umat Islam itu sendiri. Tidak sedikit orang salah paham terhadap Islam disebabkan kelakuan dan prilaku umat Islam itu sendiri.

Sebelum mengemukakan pelbagai kenyataan para ulama mengenai pentingnya Maqasid, akan dikemukakan perumpamaan sederhana mengenai faedah dan bahaya ketidak fahaman seorang muslim mengenainya. Seorang anak damit sedang sakit demam. Salah seorang dari orangtuanya segera mencari ubat untuknya agar sembuh dengan cepat. Kerana masih kecil dan belum memahami apa-apa, anak itu tidak mahu memakannya kerana apabila ia melihat ubat, maka dalam pikirannya hanya kepahitan ubat mengikut pengetahuan dan pengalamannya. Kalau

⁵⁶ Ibid, hlm. 415.

⁵⁷ Al-Raisuni. (1992). *Nazariyyat al-Maqasid ‘Inda al-Syatibi, al-Mahad al-‘Alami li al-Fikr al-Islami*, hlm.19.

sahaja ia paham apa erti kesembuhan dan betapa bermilainya kesihatan, maka sudah tentu ia tidak akan menolak untuk memakan ubat. Perumpamaan sederhana ini boleh kita gunakan untuk menggambarkan situasi umat Islam saat ini. Tidak sedikit umat Islam ini tidak tertarik atau tidak senang menunaikan atau melaksanakan perintah dan tegahan agama kerana mereka tidak memahami apa matlamat-matlamat Allah di sebalik semua ajaran-ajaran hukumNya. Kalau kesembuhan anak tadi berbalik kepada kemahuannya memakan ubat, maka demikian halnya umat Islam. Hadirnya ketenangan, kebaikan, keberkatan dalam semua aspek kehidupan kita juga berbalik kepada kemahuannya kita melaksanakan ajaran-ajaran hukum Allah. Disamping itu pula, masalah kedua yang muncul ialah adanya sebahagian umat Islam tetap taat menjalankan ajaran-ajaran hukum Allah tetapi kerana tidak memahami Maqasid al-Syariah, disamping melakukan perintah dan tegahan Allah ia juga aktif melakukan hal-hal yang bertembung dengan tujuan-tujuan Allah dari perintah agama yang ia lakukan. Inilah yang disebut sebagai personaliti berbeza (*split personality*).

Dalam kes anak kecil tadi, meskipun ia terpaksa memakan ubat, tetapi ia juga melakukan hal-hal yang boleh melambatkan, bahkan menambah sakit demamnya seperti memakan ais krim, menghidupkan penghawa dingin dan lain-lain. Sehingga kesembuhan yang diharapkan orang tuanya tidak dapat terwujud, meskipun ia sudah memakan ubat. Hal yang sama juga berlaku pada diri umat Islam. Mereka melakukan perintah-perintah Allah tapi pada masa yang sama juga melakukan hal-hal lain yang menyalahi hakikat dari perintah-perintah Allah yang mereka jalankan. Misalnya ada orang yang membawa tasbih di sebelah kirinya tapi sebelah kanan tangannya ada rokok yang

dihisap dan asapnya mengepul ruangan dan mengganggu orang ramai. Ini salah satu contoh kecelaruan keperibadian. Tasbih itu adalah simbol kecintaan Allah dan hak-hak jamaah itu adalah hak Allah. Mengganggu jamaah adalah mengganggu Allah.

Selanjutnya, kita melihat betapa besar pemerhatian ulama-ulama dulu mengenai pentingnya pengetahuan dan pengamalan Maqasid al-Syariah dalam proses keberislaman umat Islam.

Imam Al-Juwani, salah seorang ulama yang dianggap sebagai sumber inspirasi pemikiran Maqasid bagi ulama yang datang kemudian telah memberi isyarat yang kuat bagi perlunya memperhatikan Maqasid al-Syariah dalam memahami ajaran-ajaran hukum. Ia mengatakan:

وَمَنْ لَمْ يَتَفَطَّلْ لِوَقْعِ الْمَقَاصِدِ فِي الْأُوْامِرِ وَالنَّوَاهِي فَلَيْسَ عَلَى بَصِيرَةٍ مِّنْ
وضع الشريعة⁵⁸

“Barangsiapa yang tidak mengetahui adanya unsur Maqasid dalam perintah-perintah dan larangan-larangan Allah maka ia tidak mengetahui Syariah(agama) secara mendalam”.

Dengan bahasa yang lebih dalam, Imam al-Gazali murid Imam al-Juwaini juga menegaskan perlunya memperhatikan Maqasid al-Syariah. Ia menegaskan:

إِنْ مَقَاصِدَ الشَّرِيعَةِ قَبْلَةُ الْجَهَادِينَ مَنْ تَوَجَّهَ إِلَى جَهَةِ مَنْهَا أَصَابَ
الْحَقَّ⁵⁹

⁵⁸ Al-Juwaini. *Al-Burhan fi ushul al-Fiqhi*, 1/206.

"Sesungguhnya Maqasid al-Syariah itu ialah destinasi (kiblat) bagi semua ulama mujtahidin, barangsiapa yang menuju salah satu aspeknya maka ia akan menemukan kebenaran."

Ibn al-Jauzi, seorang ulama mazhab Hanbali turut memberi kenyataan mengenai pentingnya Maqasid al-Syariah dengan mengatakan:

النفيه من نظر في الأسباب والنتائج وتأمل المقاصد⁶⁰

"Seorang faqih mesti selalu memperhatikan sebab-sebab dan akibat-akibat dan ia pun sepatutnya memikirkan maksud-maksud perkara hukum."

Imam al-Syatibi, ulama yang disepakati sebagai pengasas teori Maqasid al-Syariah memiliki kenyataan yang singkat tapi jelas. Ia mengatakan:

المقاصد أرواح الأفعال⁶¹

"Tujuan-tujuan itu adalah roh dan nyawa bagi perbuatan-perbuatan itu sendiri."

Ibnu ‘Asyur, ulama kontemporari yang memiliki keprihatinan untuk membina ilmu khusus yang dinamakan Maqasid al-Syariah dan memisahkanya dari ilmu Usul fiqh, beliau menyatakan:

⁵⁹ Al-Suyuti. *Al-Raddu 'Ala man Akhlada ila al-Ard wa Jahala Anna al-Ijtihada fi Kulli 'Ashriin Fardun*. Hlm 91.

⁶⁰ Ibn al-Jauzi. 1985 . *Talbis Iblis*, Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi, hlm. 275.

⁶¹ Lihat al-Syatibi, Opcit, jilid 2, hlm. 344.

إهان النظر في مقاصد الشريعة من أسباب تخلف الفقه وجوده⁶²

"Mengabaikan Maqasid al-Syariah merupakan salah satu faktor bagi kejumudan dan kemunduran fiqh."

Manakala syeikh Muhammad al-Kattani menyatakan:

إن من أسباب اخبطاط الملة ذكر الأحكام مجردة عن أسرارها⁶³

"Salah satu faktor kemuduran Islam adalah menyampaikan hukum-hakam tidak disertakan rahasia-rahasianya."

Konsep Zikir Dalam Islam

Apabila menyebut kalimat zikir atau zikrullah, maka yang pertama terlintas dalam pikiran kita ialah kalimat-kalimat tertentu yang sentiasa diucapkan dan diulang-ulangi pada masa-masa tertentu seperti ketika selesai solat lima waktu, masa tahlil arwah dan lain-lain. Misalnya kalimat سبحان الله، الحمد لله، الله أكبر، استغفر الله، لا إله إلا الله، لا حول ولا قوة إلا بالله dan seterusnya. Persepsi ini benar tapi tidak menggambarkan esensi zikir secara komprehensif. Kerana zikir memiliki makna dan erti yang sangat luas.

⁶² Al-Raisuni. 2009. *Madkhal ila Maqasid al-Syariah*, Kaherah: Dar al-Kalimah li al-Nasyr wa al-Tawzi'. hlm.17

⁶³ Al-Raisuni. 2009. *Madkhal ila Maqasid al-Syariah*, Kaherah: Dar al-Kalimah li al-Nasyr wa al-Tawzi', hlm.17.

Makna asal kalimat zikir sesungguhnya adalah menyebut dan mengingat Allah. Namun dalam pandangan Islam, zikir atau mengingat Allah tidak hanya berbentuk ucapan tetapi juga mengingat dengan lidah, hati, pikiran dan perbuatan. Jadi bukan hanya lidah yang berzikir tapi hati juga berzikir, pikiran berzikir dan anggota-anggota badan pun berzikir.

Imam al-Razi, seorang mufassir bermazhab al-Syafi'i, ketika erti dan makna zikir dalam ayat 152 surah al-Baqarah, beliau menyatakan sepihama berikut:

اعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ تَعَالَى كَفَنَا فِي هَذِهِ الْآيَةِ بِأَمْرِنَا: الْيَكْرُ، وَالشُّكْرُ، أَمَّا الْيَكْرُ فَقَدْ يَكُونُ بِالْإِسَانِ، وَقَدْ يَكُونُ بِالْقَلْبِ، وَقَدْ يَكُونُ بِالْجَوَاحِ، فَلَدِكُرُّهُمْ إِيَّاهُ بِالْإِسَانِ أَنْ يَخْمُدُوهُ وَيَسْبِحُوهُ وَيَعْجِدُوهُ وَيَتَرَهُوا كَيْبَابَهُ، وَدَكْرُهُمْ إِيَّاهُ يُقْلُوْهُمْ عَلَى ثَلَاثَةِ أَنْوَاعٍ: أَحَدُهَا: أَنْ يَتَفَكَّرُوا فِي الدَّلَائِلِ الدَّالِلَةِ عَلَى ذَاتِهِ وَصِفَاتِهِ، وَيَتَفَكَّرُوا فِي الْجَوَابِ عَنِ الشُّبُهَةِ الْقَادِحَةِ فِي تِلْكَ الدَّلَائِلِ. وَثَانِيهَا: أَنْ يَتَفَكَّرُوا فِي الدَّلَائِلِ الدَّالِلَةِ عَلَى كَيْفِيَّةِ تَكَالِيفِهِ وَأَحْكَامِهِ وَأَوْامِرِهِ وَتَوَاهِيهِ وَوَعِيَّهِ، فَإِذَا عَرَفُوا كَيْفِيَّةَ التَّكَلِيفِ وَعَرَفُوا مَا فِي الْفَعْلِ مِنَ الْوَعْدِ، وَفِي التَّرْكِ مِنَ الْوَعْدِ سَهَلٌ فَعْلُهُ عَلَيْهِمْ. وَثَالِثَهَا: أَنْ يَتَفَكَّرُوا فِي أَسْرَارِ مَخْلُوقَاتِ اللَّهِ تَعَالَى حَتَّى تَصِيرَ كُلُّ ذَرَّةٍ مِنْ ذَرَّاتِ الْمَحْلُوقَاتِ كَلْمَرَّةً الْمَجْلُوَّةً الْمَحَاذِيَّةً لِعَالَمِ الْقُدُّسِ، فَإِذَا نَظَرَ الْعَبْدُ إِلَيْهَا أَنْعَكَسَ شَعَاعٌ بَصَرِهِ مِنْهَا إِلَى عَالَمِ الْجَلَالِ، وَهَذَا الْمَقَامُ مَقَامٌ لَا يُحَمِّلُهُ أَمَّا دَكْرُهُمْ إِيَّاهُ تَعَالَى يَخْوَارِجُهُمْ، فَهُوَ أَنْ تَكُونَ جَوَارِحُهُمْ مُسْتَعْرِفَةً فِي

الأَعْمَالِ الَّتِي أَمْرَوْا بِهَا، وَخَالِيَّةً عَنِ الْأَعْمَالِ الَّتِي حُكِّمُوا عَنْهَا، وَعَلَى هَذَا التَّرْجُو سَمِّيَ اللَّهُ تَعَالَى الصَّلَاةُ ذِكْرًا يَقُولُهُ: ﴿فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ﴾ [الْجَمَعَةُ: ٩] فَصَارَ الْأَمْرُ يَقُولُهُ: ﴿فَادْكُرُونِي﴾ مَتَضَيَّنًا جَمِيعَ الطَّاعَاتِ⁶⁴.

Dari keterangan Imam al-Razi di atas, jelas tergambar pembahagian zikir menjadi zikir lidah, hati dan anggota badan. Anggota badan berzikir dengan cara larut dan tenggelam dalam melakukan amalan-amalan yang diperintahkan oleh Allah *Subhanahu Wata'ala* dan melepaskannya dari perbuatan-perbuatan yang ditegah oleh-Nya. Itulah sebabnya Allah memerintahkan umat Islam untuk melakukan solat tetapi Ia menggunakan kalimat zikrullah. Kesimpulan penting yang dikemukakan Imam al-Razi ialah bahawa perintah Allah kepada manusia untuk mengingati-Nya mencakup semua bentuk ketaatan dan amal soleh.

Imam al-Tabari bahkan tidak menyebut jenis zikir lidah dan hati. Tetapi langsung menafsirkan kata "Udzkuruni" dengan zikir anggota badan. Ia menyatakan:

يَعْنِي فَادْكُرُونِي أَنِّي الْمُؤْمِنُونَ بِطَاعَتِكُمْ إِبَاضِي فِيمَا أَمْرَكُمْ بِهِ وَفِيمَا أَحْكَمْتُ عَلَيْهِ، أَذْكُرُكُمْ بِرَحْمَتِ إِبَاضِي وَمَغْفِرَتِي لَكُمْ⁶⁵

Dari penafsiran al-Thabari terhadap ayat zikir di atas jelas menunjukkan bahawa cara mengingati Allah ialah dengan melakukan ketaatan-ketaatan atau ibadah-ibadah samaada yang khusus maupun yang umum. Akibat atau

⁶⁴ Lihat Imam al-Razi. *Mafatih al-Gaib*, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi, Jilid 4 hlm 123.

⁶⁵ Lihat al-Thabari. 2000. *Jami' al-Bayan*, Beirut: al-Risalah, jilid 2 hlmn 211.

hasil dari zikir yang seumpamanya adalah turunnya rahmat dan ampunan dari Allah.

Yang menariknya, hampir kesemua ulama tafsir menyatakan perkara yang sama dengan apa yang disampaikan oleh al-Razi dan al-Thabari. Bahkan imam al-Qurtubi menyebutkan sebuah riwayat dari seorang ulama berkata bahawa ketaatan seorang hamba terhadap Allah lebih penting dari zikir lidah.

قال سعيد بن جبير الْكَرْ طَاعَةُ اللَّهِ، فَمَنْ لَمْ يُطِعْهُ لَمْ يَذْكُرْهُ وَإِنْ كَثُرَ
الشَّيْخُ وَالْمُهَلِّلُ وَقِرَاءَةُ الْقُرْآنِ، وَرُوِيَ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ: (مَنْ أَطَاعَ اللَّهَ فَقَدْ
ذَكَرَ اللَّهَ وَإِنْ أَكَلَ صَلَاتَهُ وَصَوْمَاهُ وَصَنْبِيعَةَ الْحُكْمِ وَمَنْ عَصَى اللَّهَ فَقَدْ
نَسِيَ اللَّهَ وَإِنْ كَثُرَ صَلَاتَهُ وَصَوْمَاهُ وَصَنْبِيعَةَ الْحُكْمِ)، ذِكْرُ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ
مُحَمَّدٌ بْنُ حُوَيْنٍ مَعْنَادٌ فِي "أَحْكَامِ الْقُرْآنِ" ٦٦.

Berdasarkan keterangan-keterangan sebelum ini, maka konsep “Negara Zikir” yang dikembangkan oleh pakar-pakar di Brunei Darussalam memiliki kaitan dan kesesuaiannya dengan konsep zikir dalam Islam.

Konsep Negara Zikir

Istilah “Negara Zikir” mulai menjadi perbincangan di Negara Brunei Darussalam sejak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan

⁶⁶ Lihat al-Qurtubi. 1964 . *al-Jami' li Ahkam al-Quran*, Kairo: Dar al-Kutub al-Misriyyah, jilid 1, hlm 171.

Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengisytiharkan Brunei sebuah Negara Zikir dalam titah Baginda sempena sambutan Hari Raya Aidiladha pada 9 Zulhijjah 1428 bersamaan dengan 19 Disember 2007.

“Alhamdulillah, negara kita Brunei Darussalam telah menampakkan imejnya yang hebat selaku pemilik keamanan itu. Ini bukanlah sekadar pemanis kata atau penyedap hati, tetapi benar-benar suatu realiti, kurnia daripada Yang Maha Pemurah, siapa yang telah berjanji akan memberikan keamanan itu kepada orang-orang yang banyak berzikir membesarkan-Nya. Brunei, adalah negara yang selalu bersama-sama dengan ar-Rahman (Yang Maha Mengasihi), yang sentiasa berhias dengan zikir dan menjadikannya sebagai rutin kebiasaan. Kerana itu Allah pun, dengan rahmat-Nya, memalingkan kita dari sebarang kesusahan dan bencana, dari pelbagai anasir yang boleh merosakkan keamanan.”

Beta, insya Allah, akan terus berazam untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah ‘Negara Zikir’ yang sentiasa mengagungkan Allah, supaya kita selalu berada dalam perhatian dan pemeliharaan-Nya ...”

Untuk memantapkan kefahaman masyarakat Brunei tentang konsep Negara Zikir ini, Jabatan Perdana Menteri mengadakan seminar khas dengan tema: “*Menghayati Negara Zikir anjurran*”. Seminar tersebut diadakan pada 25 - 26 Rejab 1429 bersamaan 28 - 29 Julai 2008 sempena perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-62 Tahun⁶⁷. Di dalam titah Baginda pada acara seminar berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menyentuh perlunya membina dan memahami konsep sebenar "Negara Zikir".

"Beta memang berazam untuk melihat Brunei Darussalam menjadi Negara Zikir.

Suka beta tegaskan di sini, bahawa azam beta ini bukanlah retorik. Tetapi bersumber dari keyakinan mendalam bahawa Negara Zikir itu akan menjadi 'tuah' kepada semua, kerana ia pasti disukai oleh Allah, Tuhan Maha Pencipta, dan akan mendapat rahmat serta pertolongan-Nya.

Dengan konsep Negara Zikir, kita insya-Allah, akan membangun negara dan kehidupan, dengan perkara-perkara yang dipandang baik serta bagus oleh Allah dan juga oleh manusia. Kita akan usahakan kecemerlangan dengan konsep ini.

Ertinya, anak-anak kita cemerlang dalam pelajaran, orang teknikal kita cemerlang, doktor kita cemerlang, pengusaha kita cemerlang, pentadbir kita cemerlang,

⁶⁷ Kertas Kerja Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin Timbalan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam Seminar Kebangsaan Fiqh Ibadat anjuran Fakulti Syariah KUPU SB.

pemegang polisi kita cemerlang, pekerja kita cemerlang, pendeknya semua kita ini adalah cemerlang kerana keramah dan berkat zikir (ingatan kepada Allah Ta'ala).

Cuma syarat terpenting di sini, semua pihak mestilah sama-sama memahami characteristic Negara Zikir itu, apa fundamentalnya dan bagaimana ruang lingkupnya, supaya kita benar-benar meyakininya sebagai acuan dan landasan yang sangat-sangat kita perlukan.

Salah satu resolusi yang dihasilkan seminar berkenaan ialah konsep negara zikir iaitu:

Negara Zikir dalam makna mengingat dan menyebut Allah, bermaksud mentaati suruhan dan tegahanNya, mensyukuri ni'matNya dan tidak mengkufuriNya, dengan ilmu dan keyakinan, didorong oleh keimanan dan ketakwaan kepadaNya sebagai syarat utama untuk mendapatkan kurnia Allah yang berupa kemakmuran hidup, keamanan dan ketenteraman serta kesejahteraan yang berpanjangan.

Berdasarkan resolusi itu, kita dapat mengatakan bahawa kriteria utama Negara Zikir itu menggambarkan sebuah negara yang mempunyai penduduk yang sentiasa ingatkan Allah, patuh dan taat dalam melaksanakan segala suruhanNya serta istiqamah dalam menjauhi segala laranganNya. Dengan adanya sifat sedemikian kehidupan menjadi berkat, aman, tenteram dan harmoni kerana

mendapat rahmat Allah. Dengan kata lain, keamanan, ketenteraman dan keharmonian itu bukan diraih dengan usaha semata-mata tetapi diraih kerana adanya sifat taat mematuhi syariat Allah dan RasulNya. Segala ni'mat yang dikurniakan juga akan dikecapi secara berkekalan bahkan terus bertambah kerana adanya redha dan rahmat Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*. Ini menunjukkan bahawa matlamat Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir itu ialah menjadi Negara berkat yang aman, makmur dan sentosa serta mendapat keampunan Allah atau apa yang disebut sebagai بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ عَفْوٍ.⁶⁸

Untuk merealisasikan konsep Negara Zikir tersebut, ada tiga perkara penting yang mesti dilakukan, pertama, mentaati perintah Allah dan RasulNya serta meninggalkan segala larangan Allah dan RasulNya. Kedua, Tanggungjawab timbal balik antara pemimpin dan rakyat; Pemimpin mesti berlaku adil terhadap rakyatnya dan sebaliknya rakyat wajib taat pada pemimpinnya. Ketiga, mensyukuri ni'mat Allah *Subhanahu Wata'ala*.

Masih dalam perbincangan konsep Negara Zikir, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam turut memberi ulasan. Beliau mengatakan bahawa Negara Zikir bukanlah bersifat retorik semata-mata. Sebenarnya ia merupakan negara yang berorientasikan dan berpaksikan zikir. Dalam

⁶⁸ Kertas Kerja Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin Timbalan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam Seminar Kebangsaan Fiqh Ibadat anjuran Fakulti Syariah KUPU SB.

perkataan lain, aspek siasah, ekonomi, sosial dan pertahanannya adalah berpaksikan zikir.⁶⁹

Titik penting dari ulasan yang berhormat pehin mufti ialah jelas bahawa negara zikir ialah imej sebuah negara yang menjunjung tinggi ajaran-ajaran Islam. Ia menjadikan ajaran Islam sebagai panduan dan amalan dalam seluruh aspek kehidupan agar nikmat, kerahmatan dan keberkatan akan sentiasa mengiringi dan melindungi negara Brunei Darussalam.

Peranan Maqasid Al-Syariah Dalam Memperkuuh Negara Zikir

Setelah menguraikan erti dan makna zikir dalam Islam serta konsep Negara Zikir sepetimana yang dikemukakan oleh beberapa pakar sebelum ini, maka yang kita maksudkan dengan zikir dan Negara Zikir itu bukanlah maknanya yang sempit tetapi dengan maknanya yang sangat luas iaitu menyedari kehadiran Allah dalam setiap tutur kata, pikiran, hati dan tingkah laku atau perilaku kita. Kesedaran itu menghendaki seseorang untuk sentiasa mentaati perintah-perintahNya dan menjauhi larangan-larangannya dalam semua aspek kehidupan, setiap masa dan tempat.

Dengan makna zikir dan Negara Zikir yang luas sedemikian, maka rasanya tidak susah menemukan hubungan *Zikrullah* dan *Maqasid al-Syariah* atau *Maqasid al-Syari'*. Sebab dalam dua istilah berkenaan terdapat

⁶⁹ Kertas kerja Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam Seminar Majlis Imu 2008. "Menghayati Negara Zikir.

kalimat الله dan kalimat الشارع yang memiliki makna yang sama. Dalam erti lain, kalau zikrullah bererti menunaikan perintah-perintah Allah dan meninggalkan larangan-laranganNya, maka Maqasid al-Syariah menunaikan perintah-perintah itu seperti yang Allah kehendaki dan inginkan bukan dengan tujuan-tujuan yang lain selain Allah.

Lebih jelasnya, dalam teori Maqasid al-Syariah perintah-perintah yang Allah wajibkan kepada hambanya belum cukup dengan sekadar menunaikannya, tetapi mesti mempertanyakan apakah perintah yang sudah dilaksanakan oleh seorang hamba sudah sesuai dengan kehendak, keinginan dan harapan Allah atau tidak. Selanjutnya, soalan yang perlu juga dikemukakan ialah apakah menunaikan perintah Allah sudah sebaiknya ataukah justeru telah mengabaikan perintah Allah yang lain yang lebih penting dan lebih wajib.

Satu contoh perlu dikemukakan untuk memperkuatkan kenyataan di atas iaitu suatu ketika Sayyidina Umar bin al-Khattab dilaporkan oleh gabenorinya di Yaman bahawa sembilan pemuda telah membunuh seorang anak kecil.

Berdasarkan perintah Allah, kesembilan pemuda itu tidak dapat dibunuh kerana yang diperintahkan Allah untuk dibunuh apabila seseorang membunuh seorang yang lain, dan ini yang dinamakan hukum *qisas* yang mewajibkan adanya persamaan. Membunuh tujuh orang kerana telah membunuh seorang rasanya tidak adil.

Namun dengan pengetahuan mendalam mengenai Maqasid al-Syariah yang dimiliki oleh Sayyidna Umar, ia memutuskan untuk melaksanakan *qisas* bagi ketujuh

pembunuhan anak kecil tadi. Dalam pikiran Umar, membiarkan ketujuh pembunuhan tanpa penegakan hukum sudah sesuai perintah Allah dalam al-Quran, tetapi hal itu tidak dinginkan oleh Allah kerana Allah menghendaki tidak terjadinya pertumpahan darah. Membiarkan mereka untuk tidak dibunuh justeru akan mendorong kepada seringnya terjadi pertumpahan darah. Kerana setiap orang yang ingin membunuh dan ingin lepas dari hukum *qisas* maka cukup baginya membunuhnya dengan ramai-ramai.

Kerana itulah, Umar mengatakan, andai saja semua penduduk San'a bersubahat untuk membunuh anak itu maka nescaya akan kubunuh semuanya⁷⁰.

Berdasarkan hal ini, untuk merealisasikan dan memperkuuh “Negara Zikir”, negara yang memiliki warga, rakyat dan masyarakat yang patuh terhadap semua perintah-perintah Allah dan larangan-laranganNya, pengetahuan dan pengamalan Maqasid al-Syariah sangat diperlukan. Maqasid al-Syariah akan terus memelihara, menjaga dan mengawal pemahaman dan pengamalan seorang muslim terhadap ajaran-ajaran Islam dengan benar.

Dalam konteks ini, ada tiga perkara berkenaan Maqasid al-Syariah yang perlu diperhatikan dalam rangka memantapkan pelaksanaan perintah-perintah Allah

⁷⁰ Lihat Abd. Rauf Amin. 2013. *al-Ijtihadu taatstsuruhu wa Ta'tsiiruhu fi Fiqhai al-Maqasid wa al-Waqi*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, h.252, Wizarat al-Awqaf wa al-Syuun al-Islamiyyah. 1427H. *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah*, Mesir: Dar al-Safwah, Jilid 15 hlm 282, Malik. 2004. *Al-Muwaththa'*, Abu Zabi: Muassasah Zaid bin Sultan Al Nahyan, jilid 5, hlm 1281.

mengikut kehendak-kehendak dan matlamat-matlamat yang Allah inginkan:

1. *Maqasid al-Khitab* : iaitu memahami dengan benar dan tepat apa maksud dari semua perkataan-perkataan Allah dari semua firmanNya. Tidak boleh misalnya seorang muslim memahami firman-firman Allah atau sabda-sabda Nabi berdasarkan erti zahirnya kerana seringkali erti zahir bukan makna atau maksud yang diinginkan oleh Allah. Misalnya firman Allah ”لَا تَكُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مُضَاعِفَةً” . Bukanlah yang diharamkan itu terhad pada makan sahaja tetapi semua bentuk perolehan harta dengan cara riba tidak kira memakannya atau tujuan lain setelah mengambilnya.
2. *Maqasid al-Syari'*. Ini menjadi inti perbincangan dalam bab ini. Iaitu setiap perintah dan larangan atau hukum-hukum Allah secara ‘amnya memiliki tujuan khusus atau umum. Dan melaksanakan perintah dan larangan itu mesti menyesuaikan dengan tujuannya dan jangan sampai pelaksanaan hukum Allah keluar dari tujuan-tujuannya. Misalnya pernikahan memiliki hukum-hukum dan pada saat yang sama memiliki tujuan-tujuan. Tidak cukup seorang muslim itu sudah melaksanakan pernikahan tetapi ia juga diwajibkan memastikan tujuan pernikahan itu tercapai. Begitu pula ia tidak boleh menikah dan memiliki tujuannya sendiri yang berbeza dari tujuan-tujuan agama dari syariat pernikahan itu.
3. *Maqasid al-Mukallaf*. Iaitu tujuan-tujuan mukallaf atau orang yang melaksanakan hukum-hukum

Allah. Seorang muslim ketika melaksanakan sebuah perintah hukum ia memiliki tujuan tersendiri. Kadang-kadang tujuannya itu sama dengan tujuan agama dari perintah itu atau tujuannya itu menyalahi atau tidak sesuai dengan tujuan agama. Misalnya ketika berhijrah ke Madinah, beberapa orang ikut berhijrah dan tujuannya bukan untuk membela Islam tetapi ingin mengahwini perempuan dan sebagainya. Kerana itulah teori dalam Maqasid al-Syariah mengatakan agar amal seorang muslim diterima oleh Allah, maka ia wajib memastikan tujuannya beramal sesuai dengan tujuan Allah dari amal itu. Misalnya solat, kalau ia dilakukan untuk tujuan *riya'* dan bukan untuk zikrullah maka itu bukannya sekadar, bahkan ia boleh mendapat dosa. Kerana itu pula, berdasarkan al-Quran banyak orang solat, tetapi ia diancam akan mendapat kebinasaan, padahal ia telah pun menunaikan solat, tetapi niat dan tujuan dari solat itu adalah salah.⁷¹

Dengan huraiyan dan penjelasan lebih mendalam, Imam Ibn ‘Āsyur telah merumuskan peranan yang dapat dimainkan oleh *Maqasid al-Syariah* dalam proses pencarian, penggalian dan penetapan hukum Islam⁷².

Pertama, Peranan *Maqasid al-Syariah* dalam memahami dan menafsirkan *Nushūs* (Teks-teks hukum).

⁷¹ Lihat Abd. Rauf Amin. 2013. *al-Ijtihadu taatstsuruhu wa Ta'tsiiruhu fi Fiqhai al-Maqasid wa al-Waqi*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, h.315, 719.

⁷² Ibn āsyur, *Maqāsid al-Syariah al-Islāmiyyah*, Yordan: Dār al-Nafāis, 2001, hlm.183-184.

Perlu ditegaskan bahawa peranan ini hanya berlaku pada teks-teks yang *dzanni* dan tidak berlaku pada teks-teks *qath'i*. Peranan ini bermaksud bahawa pengetahuan mengenai Maqāsid dapat memandu perhatian seorang mujtahid agar ia dapat menentukan makna yang lebih sesuai dengan maksud teks dari makna-makna yang tersedia bagi teks *dzanni* yang dihadapinya. Bahkan kadang-kadang terpaksa melakukan *ta'wil* terhadap teks berkenaan dan mengalihkannya dari makna zahirnya apabila makna zahir itu menyalahi kehendak maqasidnya. Sebagai contoh misalnya, al-Quran menyatakan *al-Nafsu bi al-Nafsi*⁷³. Berdasarkan makna zahir ayat ini, seorang jiwa yang dibunuh maka tebusannya (*qisas*) adalah satu jiwa juga. Makna zahir ayat ini tidak dapat lagi dipertahankan apabila kes pembunuhan secara berkumpulan. Menurut zahir ayat tadi, pembunuhan berkumpulan akan dibebaskan dari hukuman *qisas*. Tetapi apabila seorang mujtahid memahami bahawa memelihara jiwa merupakan salah satu tujuan hukum yang utama, maka ia akan mengutamakan tujuan hukum yang menghendakinya untuk memutuskan semua pembunuhan akan dibunuh *qisas* kerana membunuh satu orang, daripada berpegang pada makna zahir ayat yang menghendaki satu jiwa kerana satu jiwa. Alasannya kalau mereka tidak *digisas* maka sudah tentu pemeliharaan jiwa manusia tidak akan tercapai, kerana pembunuhan akan mudah dilakukan orang hanya dengan berlindung pada pembunuhan secara berkumpulan. Inilah yang dimaksud pengetahuan Maqāsid berperanan dalam memahami dan menafsirkan nas dengan benar.

⁷³ Surah al-Maidah, ayat: 45.

Kedua, Peranan *Maqasid al-Syariah* dalam melakukan kompromi atau tarjih antara teks-teks yang bertentangan.

Seorang mujtahid apabila ia ingin mengamalkan atau menerapkan sebuah dalil nas pada suatu masalah, maka hal pertama yang mesti ia lakukan ialah memastikan dalil yang ingin diterapkannya itu tidak ada dalil yang lain yang menggugatnya. Kaitan Maqāsid al-Syariah dalam hal ini dapat dilihat seperti berikut:

- a. Apabila dalil yang ingin digunakannya dalam sebuah kes memiliki kandungan yang sejalan dengan Maqāsid al-Syariah maka kemungkinan adanya dalil lain yang berbeza sangat kecil, dan dorongan untuk mencari dalil yang berbeza itu pun menjadi kecil. Begitu juga sebaliknya, jika dalil yang ada di depannya tidak kuat kesesuaianya dengan Maqāsid al-Syariah, maka besar kemungkinan ada dalil lain yang menentangnya.
- b. Setelah seorang mujtahid mencari, lalu tidak menemukan dalil nas yang dapat menggugat dalil nas yang ada padanya, maka apabila dalil nas yang ada padanya memiliki kandungan yang sesuai dengan Maqāsid, maka itu membuatnya menjadi tenang dan percaya diri bahawa memang tidak ada dalil lain yang menggugat dalilnya, begitu pun sebaliknya.
- c. Apabila ia menemukan dalil yang berbeza dengan dalil yang sudah ada, maka ia mesti mengutamakan dalil yang sesuai, bahkan potensi mewujudkan

Maqasid daripada dalil yang tidak sesuai dan tidak dapat mewujudkan Maqasid⁷⁴.

Ketiga, Peranan *Maqasid al-Syariah* dalam penentuan ‘illat-‘illat hukum dalam rangka melakukan qiyas.

Memahami peranan Maqasid al-Syariah dalam konteks ini sangat mudah dan tidak susah, kerana hubungan yang sangat erat antara ‘illat dan maqsid. Pengetahuan yang mantap mengenai Maqasid al-Syariah akan membantu menentukan ‘illat bagi sebuah hukum. Peranan ini menghendaki bahawa sifat yang akan dijadikan atau ditentukan sebagai ‘illat tidak hanya ia merupakan perkara yang jelas dan boleh diukur, tapi ia juga mestilah dapat mewujudkan kemaslahatan atau menghindarkan kemudaratian. Kenyataan ini misalnya dapat dilihat terutama pada metod “*al-Munāsabah*” sebagai suatu cara menentukan ‘illat. Hubungan metod “*al-Munāsabah*” dengan Maqāsid digambarkan oleh imam al-Zarkasyi dengan “Yang dimaksud dengan *al-Munāsabah* ialah *al-Ikhālah*, *al-Maslahah*, *al-Istidlāl* dan memelihara *Maqāsid al-Syariah*”⁷⁵.

Keempat, Peranan *Maqasid al-Syariah* dalam penetapan hukum masalah-masalah baru yang tidak dapat ditentukan melalui *qiyas*.

⁷⁴ Lihat Ibnu ‘Asyur, *Maqāshid al-Syariah al-Islamiyyah*, h. 183, Nu’man Jugairim, *Thuruq al-Kasyf ‘an Maqāsid al-Syāri’*, Yordan: Dār al-Nafāis, h. 143; Abd. Rauf Muhammad Amin, *al-Ijtihād fi Dhau Maqāsid al-Syariah: Mālāmih wa Dhawābith*, Brunei Darussalam, Penerbitan KUPU, 2013, h. 357.

⁷⁵ Al-Zarkasyi, *al-Bahr al-Muhiīth*, Kairo: Dār al-Kutbi, 1994, vol.7 h. 262.

Dalam bidang inilah seorang mujtahid lebih memerlukan pengetahuan Maqasid dibanding dengan bidang-bidang lain. Pengetahuan yang cukup yang dimilikinya mengenai Maqasid akan sangat membantunya menyelesaikan berbagai masalah-masalah hukum semasa yang sulit ditemukan pautannya ke nas-nas *syar’i* maupun *qiyyas*. Setiap tindakan atau masalah hukum yang tidak ada dasarnya dalam teks hukum secara langsung atau *qiyyas*, tapi dapat mendatangkan atau mewujudkan kemaslahatan maupun menghindarkan kemudaratian, maka perkara itu mesti dipertimbangkan oleh mujtahid. Namun hal penting yang perlu dicatat ialah maslahah dan kemudaratian yang menjadi pertimbangan itu tetap mesti diterima kesesuaianya dengan Maqasid al-Syariah. Kerana setiap maslahah yang tidak sejalan dengan Maqasid adalah maslahah yang tidak diterima dan kerananya mesti ditolak.

Kemestian adanya proses penyesuaian antara maslahah dengan Maqasid al-Syariah adalah perkara yang ditekankan oleh kebanyakan *fuqaha* dan *ushuliyun*. Imam al-Gazali misalnya mengatakan, maslahah itu apabila kita sepakat mengertikannya dengan memelihara Maqasid al-Syariah maka tidak sepatutnya ada perbezaan pandangan mengenainya bahkan mesti diyakini ianya sebagai hujjah⁷⁶.

Berdasarkan fakta di atas, maka Maqāsid al-Syariah adalah instrument yang sangat penting dan tidak dapat diabaikan dalam proses ijihad dalam semua bentuknya.

⁷⁶ Imam al-Gazali, *al-Mustashfa*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, 1413 H, h. 179; Keterangan lebih detil mengenai kode etik-kode etik maslahah lihat al-Buthi, *Dhawābith al-Maslahah*, Beirut: Muassasah al-Risalah, 1992. h. 110.

Disamping kerana peranannya sangat strategik, ia juga dapat membantu memahami berbagai hikmah yang ada dalam sistem hukum Islam dan dapat menyelesaikan berbagai persoalan semasa dengan mudah.

Kesimpulan

Setelah menguraikan isu-isu penting berkenaan dengan sumbangan Maqasid al-Syariah bagi memperkuatkan Negara Zikir, maka dapatlah diambil beberapa perkara:

1. Beragama dengan Islam yang sebenar sangat ditentukan oleh pemahaman dan pengamalan kita terhadap Syariah dan Maqasid al-Syariah. Keduanya adalah satu kesatuan yang tak dapat dipisahkan. Memisahkan keduanya dapat memperburukkan imej Islam seseorang bahkan boleh jadi tertolak.
2. Beribadah kepada Allah samaada secara khusus mahupun umum merupakan perkara terpenting daripada matlamat dari kehadiran agama. Hakikat daripada zikrullah sesungguhnya adalah beribadah dan taat serta patuh kepadaNya dalam semua aspek kehidupan kita.
3. Zikir dalam Islam tidak hanya dilakukan dengan lidah, akan tetapi hati, pikiran begitu juga anggota badan turut berzikir. Zikir anggota badan ialah dengan patuh dan taat melaksanakan segala perintah dan meninggalkan laranganNya. Bahkan kepatuhan anggota badan itulah yang paling menentukan dalam keberislaman kita.

4. Pengetahuan Maqasid al-Syariah secara komprehensif terutama Maqasid al-Syariah al-'Ammah akan memperkasa dan memantapkan "Negara Zikir" yang menjadi cita-cita mulia Negara Brunei Darussalam.
5. Rakyat dan masyarakat hendaknya sentiasa diberi pencerahan mengenai sifat holistik dan komprehensif Islam yang memastikan perlaksanaan syariat-syariat Islam secara terpadu dan tidak diasing-asingkan.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim
- Abd. Rauf Amin. (2013). *al-Ijtihadu taatstsuruhu wa Ta'tsiiruhu fi Fiqhai al-Maqasid wa al-Waqi*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Abd. Rauf Muhammad Amin. (2013). *al-Ijtihād fī Dhau Maqāsid al-Syariah: Mālāmih wa Dhawābith*, Brunei Darussalam, Penerbitan KUPU.,
- Abu Zahrah. Tthn. *Ilmu Usul Fiqh*, Kairo: Dar al-Fikri al-Arabi.
- Al-'Iz bin Abdussalam. Tth. *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, Beirut: Dar al-kutub al-'Ilmiah.
- Al-Amidi. (1404). *Al-Ihkam fi ushul al-Ahkam*, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Al-Buthi. (1992). *Dhawābith al-Maslahah*, Beirut: Muassasah al-Risalah..
- Al-Gazali. (1413). *Al-Mustashfa*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Al-Juwaini. *Al-Burhan fi ushul al-Fiqhi*.
- Al-Qurtubi. (1964) . *al-Jami' li Ahkam al-Quran*, Kairo: Dar al-Kutub al-Misriyyah.

- Al-Raisuni. (1992). *Nazariyyat al-Maqasid 'Inda al-Syatihi*, al-Ma 'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami.
- Al-Raisuni. (2009). *Madkhal ila Maqasid al-Syariah*, Kaherah: Dar al-Kalimah li al-Nasyr wa al-Tawzi'
- Al-Suyuti. *Al-Raddu 'Ala man Akhlada ila al-Ard wa Jahala Anna al-Ijtihada fi Kulli 'Ashriin Fardun*.
- Al-Syatibi. *Al-Muwafakat*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Thabari. (2000). *Jami' al-Bayan*, Beirut: al-Risalah.
- Al-Zarkasyi, (1994). *al-Bahr al-Muhīth*, Kairo: Dār al-Kutbi.,
- Ibn al-Jauzi. (1985) . *Talbis Iblis*, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ibn ăsyur. (2001). *Maqāsid al-Syariah al-Islāmiyyah*, Jordan: Dār al-Nafāis.
- Imam al-Razi. *Mafatih al-Gaib*, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Kertas Kerja Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin Timbalan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam Seminar Kebangsaan Fiqh Ibadat anjuran Fakulti Syariah KUPU SB.
- Kertas kerja Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam Seminar Majlis Imu 2008. "Menghayati Negara Zikir.
- Malik. (2004). *Al-Muwattha'*, Abu Zabi: Muassasah Zaid bin Sultan Al Nahyan, jilid 5, hlm 1281.
- Nu'man Jugaim, *Thuruq al-Kasyf 'an Maqāsid al-Syāri'*, Jordan: Dār al-Nafāis.
- Ramadhan al-Buthi. (1426). *Fiqh al-Sirah*, Suriah: Dar al-Fikr.
- Wizarat al-Awqaf wa al-Syuun al-Islamiyyah. 1427H. *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, Mesir: Dar al-Safwah.

Wizarat al-Awqaf wa al-Syuun al-Islamiyyah. 1427H. *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, Mesir: Dar al-Safwah.

Yusuf al-'Alim. Tth. *Al-Maqasid al-Ammah li al-Syariah al-Islamiyyah*, Kairo: Dar al-Hadith.

Buku ini memuatkan tujuh himpunan kertas kerja berkaitan Maqasid Syariah yang telah dibentangkan semasa Seminar Kebangsaan Mazhab Syafi'i anjuran Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS), Universiti Islam Sultan Sharif Ali(UNISSA). Himpunan kertas kerja ini amat penting dan perlu diketahui dan difahami oleh para ilmuan dan cendikiawan Islam. Bersesuaian dengan temanya: "Maqasid Syariah Pemangkin Negara Makmur", ianya merupakan kompilasi kertas kerja yang mengetengahkan kajian-kajian daripada beberapa pembentang dalam dan luar negara dengan memaparkan pelbagai aspek isu-isu semasa fiqh; Siyasah Syar'iyyah, Ibadat, Ahwal Syakhsiyah, Munakahat, Muamalat dan Jinayat dengan tujuan memelihara kemaslahatan manusia. Penerapan konsep Maqasid Syariah sebagai garis pandu yang ideal ke arah pemantapan pengurusan pentadbiran negara yang progresif dan harmoni, adalah teras terpenting dalam pembangunan sesebuah negara dan bangsa, demi mengelakkan dari timbulnya kekeliruan dan penolakan masyarakat umum terhadap pelaksanaan syariat Islam dalam sistem pemerintahan Negara selaras dengan arus cabaran globalisasi masa kini.

Azme Matali (Ph.D) adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah dari Universiti al-Azhar, Kaherah, Mesir. Ijazah Sarjana dalam bidang Ekonomi dan Perbankan Islam dari Universiti Al-Yarmouk, Jordan dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Perbankan Islam dari Universiti Malaya, Malaysia. Lantikan jawatan sekarang sebagai Pengarah, Pusat Penyelidikan-Mazhab Shafi'i (PPMS), UNISSA (lantikan 2015 sehingga Jun 2020). Selain itu, beliau juga merupakan Penolong Profesor di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA. Beliau juga aktif sebagai penyelia dan penilai penulisan akademik serta Ketua Penyunting Jurnal al-Shafi'i, Jurnal Berwasit Antarabangsa, UNISSA. Di luar bidang tugas akademik, beliau juga dilantik sebagai Ahli Lembaga Syari'ah bagi SME Islamic Bank of Brunei Berhad (lantikan 2017) dan sebagai Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad & Anak-Anak Syarikatnya (lantikan Ogos 2018).

Nor Hafizah Hj Jahari Beliau mendapat Pendidikan pada peringkat menengah di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Seterusnya menyambung Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Usuluddin, dalam bidang Tafsir dan Hadith dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Pada tahun ketiga pengajiannya, Beliau mengikuti pengajian selama setahun dalam Ijazah Sarjana Muda Usuluddin di bawah Program Pengajian Luar Negeri di Universiti Yarmouk, Jordan. Kemudian meneruskan pengajian peringkat Sarjana dalam bidang Usuluddin di Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Beliau merupakan fello Penyelidik di bawah Program i-ready di Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, UNISSA.

ISBN 978-99917-86-22-3



9 789991 786223

Simpang 347, Jalan Pasar Gadong,
Gadong BE1310, Negara Brunei Darussalam
Tel: +673 2462000 ext. 332
Fax: +673 2462233
Website: <http://www.unissa.edu.bn>



UNISSA
Press